

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

28. Mohon senaraikan Ahli Jawatankuasa (AJK) Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang (Pen Mutiara).
- (a) Apakah AJK Pen Mutiara menerima gaji, elaun dan faedah lain?
 - (b) Siapakah yang melantik AJK Pen Mutiara dan agensi kerajaan mana yang mengawasi persatuan ini?
 - (c) Apakah benar Pengerusi Pen Mutiara dan AJK diberi notis surat tunjuk sebab? Kenapa?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

28. Senarai Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang (Pen Mutiara) bagi penggal 2018 hingga 2020 adalah seperti berikut:
- (i) Encik Nazri bin Ahmad - Pengerusi (Sehingga 3 Mac 2020)
 - (ii) Tuan Hj. Arshad bin Omar
 - (iii) Encik Johari bin Mohamad
 - (iv) Encik Ibrahim bin Che Rose
 - (v) Encik Badrul Hisham bin Hashim
 - (vi) Encik Mahadi bin Md. Rodzi
 - (vii) Encik Rosli bin Ariffin
 - (viii) Encik Mohd. Saad bin Yahaya
 - (ix) Encik Ramli bin Mohamad
 - (x) Encik Sazali bin Ab. Rahman

- (a) Berdasarkan perundangan persatuan nelayan, Ahli Lembaga Pengarah tidak boleh menerima gaji tetap daripada persatuan nelayan. Walau bagaimanapun, sekiranya mesyuarat agung dengan persetujuan Pengurus Besar dan ahli-ahli, faedah dari segi pemberian bonus boleh dipertimbang untuk diberikan kepada Ahli Lembaga Pengarah. Ahli Lembaga Pengarah juga tidak boleh menjalankan tugas-tugas atau kegiatan lain di mana-mana bahagian persatuan ini yang boleh mendapatkan gaji. Walau bagaimanapun, Ahli Lembaga Pengarah boleh mengikut kemampuan kewangan persatuan menerima elaun-elaun untuk menghadiri mesyuarat dan sebagai wakil persatuan bolehlah juga menerima elaun perjalanan dan sara hidup.
- (b) Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang dilantik di kalangan perwakilan melalui Mesyuarat Agung Tahunan. Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah ini diadakan setiap dua (2) tahun sekali. Pengurusan Persatuan Nelayan dikawal selia oleh Pejabat Pendaftar Persatuan Nelayan Malaysia. Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) adalah Pendaftar kepada persatuan-persatuan nelayan.
- (c) Tiada surat tunjuk sebab yang dikeluarkan kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Pen Mutiara sebagaimana yang dilaporkan kepada LKIM Pulau Pinang.